

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**HGG 350 – Perancangan Pembangunan Wilayah**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. **SATU** soalan dari Bahagian A dan **TIGA** soalan dari bahagian B. Semua soalan membawa markah yang sama.

### **Bahagian A**

1. Penggunaan data ruangan dan atribut yang teratur dan sistematik menyumbang kepada penghasilan pelan alternatif pembangunan wilayah yang baik. Bincangkan peranan sistem maklumat geografi dalam mengurus data ruangan dalam proses perancangan wilayah.

### **Bahagian B**

2. Merujuk kepada Malaysia, nyatakan pihak, kelompok dan agensi-agensi yang terlibat dalam proses dan pelaksanaan perancangan pembangunan wilayah. Jelaskan keterkaitan antara satu sama lain.
3. Mengapa pernyataan teori merupakan cara terbaik untuk memahami masalah wilayah. Bincangkan teori-teori utama berasaskan teknologi yang menjelaskan pertumbuhan dan penyusutan pembangunan sesebuah wilayah.
4. Bincangkan kerelevanan agensi pembangunan wilayah PERDA atau MADA dalam menuju ke arah pembangunan yang seimbang di wilayah utara Semenanjung Malaysia.
5. Merujuk kepada ciri-ciri industri kecil sederhana (IKS) di Malaysia, bincangkan cabaran dan potensi ke arah mewujudkan sektor IKS yang berinovasi dan berdaya saing.
6. Merujuk kepada negara Malaysia, bincangkan implikasi proses globalisasi dan pengwilayahan ekonomi dunia ke atas strategi perancangan pembangunan wilayah khususnya dari segi cabaran dan prospek.
7. Perkembangan teknologi tinggi dan peranan institusi pengajian tinggi merupakan pemangkin utama pembangunan industri masa kini. Bincangkan sejauhmana wilayah Lembah Klang berperanan sebagai daerah industri (industrial district) dan wilayah pembelajaran (learning region) dalam meningkatkan pembangunan industri berteknologi tinggi dan sektor perkhidmatan.